

01 FEB 2000

Mahathir-Tiba

MAHATHIR PULANG SELEPAS BERCUTI SELAMA TIGA MINGGU

SEPANG, 1 Feb (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tiba di sini hari ini selepas bercuti selama tiga minggu di Argentina dan kepulauan Caribbean, diikuti dengan lawatan ke London dan Paris.

Pesawat yang membawa Perdana Menteri dan isteri Datuk Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali serta rombongannya mendarat di Lapangan Terbang Antarabangsa KL pada pukul 5.35 petang.

Antara yang hadir untuk menyambut ketibaan beliau ialah Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, menteri-menteri kabinet, pegawai kanan kerajaan dan para penyokong Barisan Nasional.

Dr Mahathir, yang berlepas untuk lawatan ke luar negara pada 12 Jan, berada di Argentina selama seminggu dan kemudian menghabiskan masa tujuh hingga lapan hari belayar.

Beliau juga meluangkan masa untuk menemui para pemimpin Argentina dan St. Lucia, St. Vincent, Antigua dan Grenada di kepulauan Caribbean.

Perdana Menteri kemudian ke London untuk lawatan peribadi dan menyeberangi Selat Inggeris ke Paris pada Sabtu untuk bertemu Presiden Perancis Jacques Chirac.

Semasa ketiadaan beliau, terdapat khabar angin bahawa Dr Mahathir telah terjatuh dari kuda semasa bercuti di Argentina dan bahawa beliau telah meninggal dunia.

Dr Mahathir menyangkal khabar angin itu apabila beliau muncul dalam keadaan sihat pada persidangan berita dengan wartawan Malaysia di London.

-- BERNAMA

TM AKD